|-------------|--|
| Akhbar | Akhbar-akhbar Melayu menyuarakan bantahan secara berterusan |
| Demonstrasi | Orang Melayu mengadakan demonstrasi secara damai |
| Persatuan | Persatuan-persatuan Melayu dihidupkan semula bagi menentang Malayan Union. |
| Telegram | Orang Melayu menghantar telegram dan surat bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan di London |
| Perpaduan | Pemimpin Melayu menyeru perpaduan seluruh orang Melayu melalui sebuah pertubuhan politik |
| Kongres | Mengadakan Kongres Melayu pada tahun 1946 dengan menggabungkan 41 buah persatuan daripada seluruh Tanah Melayu untuk menentang Malayan Union |
| UMNO | Menubuhkan United Malays National Organization(UMNO) sebagai parti penentang Malayan Union. |
| Kedua | Mengadakan Kongres Melayu Kedua untuk membantah pengisytiharan Malayan Union |
| R/umum | Mengadakan rapat umum di setiap bandar besar untuk menunjukkan bantahan kepada ahli-ahli Parlimen British |
| Berkumpul | Raja-raja Melayu berkumpul di Kuala Kangsar membantah Malayan Union. |

10 isi x 2 markah = max 12

(b) Faktor-faktor pembentukan Persekutuan 1948 di Tanah Melayu

| | |
|-----------|--|
| Membantah | Ketegasan orang Melayu membantah Malayan Union di bawah Dato' Onn Jaafar |
| Bekas | Sokongan bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia kedua |

| | |
|-----------|---|
| Tinggi | Sokongan daripada pegawai tinggi British seperti Sir Malcolm MacDonald, Sir Edward Gent dan L.D Gammans |
| Sederhana | Sikap politik orang Melayu yang sederhana telah mendorong British menerima kehendak orang Melayu |
| Rundingan | British memilih UMNO dan Raja-raja Melayu kerana kedua-duanya hanya menuntut rundingan untuk menolak Malayan Union dan tidak menuntut kemerdekaan daripada British. |
| Atlantik | Piagam Atlantik 1945 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak menggalakkan penjajahan baru malah meminta penjajah memberi latihan berkerajaan sendiri kepada penduduk tempatan. |

6 isi x 2 markah = max 8

3 (a) Perlembagaan Rakyat 1947

| | |
|---------------|--|
| Disatukan | Singapura disatukan dengan Tanah Melayu. |
| Pusat | Sebuah Kerajaan Pusat dan Majlis-majlis Negeri dipilih |
| Kuasa | Raja-raja Melayu akan mempunyai kuasa sebenar dan bertanggungjawab kepada rakyat |
| Istimewa | Kedudukan Istimewa orang Melayu dikembalikan |
| Dikawal | Adat istiadat dan agama Islam dikawal oleh orang Melayu |
| Sama | Kerakyatan yang sama rata |
| Warna | Merah dan Putih menjadi warna bendera Tanah Melayu |
| Bahasa | Bahasa Melayu haruslah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi |
| Tanggungjawab | Pertahanan dan hal ehwal luar negeri haruslah menjadi tanggungjawab bersama British dan Tanah Melayu |
| Dinamai | Warganegara Tanah Melayu harus dinamai Melayu |

10 isi x 2 markah = max 10

(b) Persekutuan Tanah Melayu 1948 dianggap lebih menjamin kepentingan Raja-raja dan Orang Melayu

| | |
|-------------|---|
| Ketua | Sultan menjadi ketua negeri |
| Berkuasa | Sultan berkuasa melantik Memteri Besar sebagai pentadbir negeri |
| Kerakyatan | Syarat kerakyatan diperketatkan iaitu prinsip jus soli adalah untuk Rakyat Raja Melayu bagi negeri-negeri Melayu dan Rakyat British bagi Negeri-negeri Selat. |
| Mengiktiraf | Persekutuan Tanah Melayu mengiktiraf semula ketuanan Melayu |
| Pulih | Kuasa Raja-raja Melayu dipulihkan semula |

| | |
|------------|---|
| Dilindungi | Kedudukan istimewa orang Melayu dilindungi dan dijamin oleh British |
| Dijamin | Status quo Negeri-negeri Melayu dilindungi |
| Islam | Agama Islam dan adat istiadat Melayu menjadi teras ketuanan bangsa Melayu |

8 isi x 2 markah = max 10

BAB 5 PEMBINAAN BANGSA DAN NEGARA YANG MERDEKA

SOALAN OBJEKTIF

1. British memperkenalkan Sistem Ahli di Tanah Melayu bertujuan (hlm.117)

- I. melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran.
- II. menerapkan sistem pentadbiran Barat.
- III. mengukuhkan lagi penguasaan politik.
- IV. mengurangkan tekanan Parti Komunis Malaya.

- A. I dan II
- B. II dan IV
- C. III dan IV
- D. I dan IV

- Menteri Besar Selangor
- Terlibat dalam perbincangan idea Sistem Ahli

2. Tokoh yang berkaitan dengan maklumat di atas ialah (hlm.117)

- A. Raja Uda
- B. Dato' Onn Ja'afar
- C. Dato' Nik Ahmad Kamil
- D. Dato Hamzah Abdullah

3. Majlis Raja-Raja Melayu merujuk kepada (hlm.117)

- A. badan yang menguruskan persidangan raja-raja Melayu.
- B. badan yang menguruskan hal ehwal raja-raja Melayu.
- C. badan yang dianggotai oleh sembilan orang raja Melayu yang memerintah.
- D. persidangan raja-raja Melayu.

4. Setiap ahli dalam Sistem Ahli menjaga satu (hlm.118)

- A. jabatan
- B. kementerian
- C. bahagian
- D. portfolio

5. Dari sudut kaum, Sistem Ahli menjadi asas perpaduan kerana (hlm. 119)

- A. ahlinya gabungan pemimpin daripada pelbagai kaum.
- B. pandangan setiap kaum diambil kira dalam sesuatu keputusan.
- C. idea penubuhannya hasil cadangan pelbagai kaum.
- D. setiap kaum berhak memilih anggota Sistem Ahli.

6. Kaitan di antara Sistem Ahli dengan pentadbiran negara ialah (hlm. 119)

- I. tapak asas melatih orang tempatan bekerajaan sendiri.
 - II. setiap ahli menjaga satu portfolio.
 - III. satu bentuk kerajaan yang mentadbir negara.
 - IV. keahliannya dipilih oleh rakyat.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV


7. Kewujudan Pakatan Murni adalah hasil daripada (hlm. 119)

- A. pemilihan yang melibatkan semua kaum.
- B. tolak ansur politik melalui rundingan.
- C. kesanggupan kaum menerima kaum lain.
- D. penglibatan setiap kaum dalam pentadbiran.

Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum

8. Jawatankuasa di atas adalah langkah awal ke arah Pakatan Murni kerana (hlm. 120)

- A. sering membincangkan kepentingan setiap kaum.
- B. penubuhannya adalah idea daripada pelbagai kaum.
- C. bertanggung jawab menjaga kepentingan setiap kaum.
- D. keanggotaannya terdiri daripada pelbagai kaum.



9. Perkaitan di antara kedua-dua di atas dilihat dari sudut (hlm. 120)

- A. kesanggupan UMNO berunding dengan kaum lain.
- B. UMNO dibuka keahliannya kepada kaum lain.
- C. jawatankuasa tersebut adalah idea UMNO
- D. UMNO adalah peneraju jawatankuasa tersebut.

10. Sebagai tukar ganti kepada kelonggaran Kerakyatan Negeri, ditubuhkan (hlm. 120)

- A. Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum.
- B. Lembaga Pembangunan Industri Desa.
- C. Majlis Amanah Rakyat.
- D. Majlis Perundangan Persekutuan.

11. Lembaga Pembangunan Industri Desa yang ditubuhkan pada Oktober 1950 memberikan penumpuan kepada (hlm. 120)

- I. pembangunan
- II. sosial
- III. ekonomi
- IV. pendidikan

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

Kerakyataan Negeri

12. Syarat utama kerakyataan di atas ialah (hlm.120)

- A. bermastautin tetap di Tanah Melayu.
- B. ibu bapanya rakyat Tanah Melayu.
- C. dilahirkan di Tanah Melayu
- D. bermastautin lebih daripada 10 tahun di Tanah Melayu.

“... hidup hanyalah di bawah tempurung sendiri dan
tidak menghiraukan tempurung lain di sebelahnya”
Dato’ Onn Ja’afar

13. Tindakan Dato’ Onn Ja’afar terhadap kata-kata beliau di atas ialah (hlm.121)

- A. membubarkan UMNO
- B. menubuhkan parti mewakili kaum.
- C. membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu.
- D. mengadakan pertemuan dengan wakil-wakil kaum.

14. Sifat pandangan jauh Dato’ Onn Ja’afar berkaitan dengan isu kaum boleh dilihat kepada tindakan beliau (hlm. 121)

- A. menubuhkan parti yang berkonsepkan kerjasama kaum.
- B. mengalakkan kerjasama antara kaum.
- C. mencadangkan pertukaran budaya antara kaum.
- D. mengwujudkan satu kawasan petempatan pelbagai kaum.

Kaum-kaum di Tanah Melayu sekitar 1950an
masih mengasingkan diri antara satu sama lain.

15. Kesan daripada keadaan di atas ialah (hlm. 121)

- I. pengekalan parti mewakili kaum.
- II. idea satu parti pelbagai kaum ditolak.
- III. wujud parti politik bercorak setempat.
- IV. Parti Kemerdekaan Malaya gagal.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

16. Dato' Onn Ja'afar bertindak menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya kerana (hlm.121)

- I. parti politik meruapakan penggerak utama ke arah kemerdekaan
- II. kerakyatan negeri meletakkan orang Melayu bukan rakyat tunggal.
- III. cadangan membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu ditolak.
- IV. perlunya kerjasama kaum dalam sesebuah parti politik untuk perpaduan.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

17. Parti Kemerdekaan Malaya yang ditubuhkan oleh Dato' Onn Ja'afar bercirikan (hlm. 121)

- I. anggotanya terdiri daripada pelbagai kaum.
- II. kepentingan kerjasama dalam satu parti.
- III. penglibatan semua kaum ke arah kemerdekaan.
- IV. parti politik penting ke arah kemerdekaan negara.

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

18. Kemenangan Parti Perikatan dalam pilihan raya 1952 dan 1954 membuktikan (hlm.121-122)

- A. masyarakat Tanah Melayu boleh bekerjasama dalam sebuah parti politik.
- B. pelbagai parti tidak menghalang kerjasama antara kaum.
- C. tidak perlu wujud parti pelbagai kaum di Tanah Melayu
- D. kerjasama antara kaum tidak tercapai jika wujud pelbagai parti.

- Ditubuhkan oleh Malcom Mac Donald
- Dipengerusikan oleh Dato' Panglima Bukit Gantang

19. Penubuhan pertubuhan yang berkaitan dengan maklumat di atas bertujuan (hlm. 121)

- I. mewujudkan kerjasama politik di kalangan penduduk.
 - II. mencari resolusi berkaitan masalah perkauman.
 - III. mengenalpasti langkah mengatasi masalah perkauman.
 - IV. mengurangkan masalah perkauman di kalangan penduduk.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

- 1951 dilantik sebagai presiden UMNO
- dikenali sebagai Baba Kemerdekaan

20. Maklumat di atas merujuk kepada (hlm. 121)

- A. Dato' Onn Ja'afar
- B. Tunku Abdul Rahman
- C. Tun Abdul Razak Hussein
- D. Dato' Dr. Ismail Abdul Rahman

21. Tokoh penting yang menerajui kerjasama UMNO-MCA dalam pilihan raya Perbandaran Kuala Lumpur ialah (hlm. 121-122)

- I. Dato' Yahya Razak
 - II. H.S. Lee
 - III. Ong Yoke Lin
 - IV. Abdul Aziz Ishak
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

22. Asas pembentukan parti Perikatan lahir hasil kerjasama UMNO-MCA yang dicapai menerusi (hlm. 121)

- A. Persidangan Nasional.
- B. Konvensyen Kebangsaan.
- C. Pakatan Murni.
- D. Jawatan Kuasa Perhubungan Antara Kaum.

| PILIHAN RAYA NEGERI 1954 | | |
|--------------------------|------------------------|------------------|
| Parti Bertanding | Kerusi Dipertandingkan | Kerusi Dimenangi |
| Parti Perikatan | 268 | 226 |

23. Rumusan yang boleh dibuat berdasarkan rajah di atas ialah (hlm. 122)

- A. Parti Perikatan diterajui oleh pemimpin yang berwibawa.
- B. penduduk Tanah Melayu menerima pemuafakatan kaum dalam pelbagai parti.
- C. rakyat percaya kepada kemampuan Parti Perikatan untuk mentadbir.
- D. majoriti rakyat Tanah Melayu anggota Parti Perikatan.

| PILIHAN RAYA 1955 | | |
|-------------------|------------------------|------------------|
| Parti Bertanding | Kerusi Dipertandingkan | Kerusi Dimenangi |
| Parti Perikatan | 52 | 52 |

24. Kemenangan majoriti Parti Perikatan sebagaimana statistik di atas dipengaruhi oleh (hlm. 122)

- A. kerjasama Parti Perikatan dengan British.
- B. Parti Perikatan mewakili rakyat Tanah Melayu.
- C. Parti Perikatan mempunyai manifesto yang jelas.
- D. sumber kewangan yang kukuh yang dimiliki oleh Parti Perikatan.

25. Manifesto Parti Perikatan dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 meliputi (hlm. 122)


- I. penglibatan penduduk tempatan dalam perkhidmatan awam.
- II. program pembangunan yang lebih seimbang.
- III. pemerolehan kemerdekaan dalam tempoh empat tahun.
- IV. perlindungan hak Raja-Raja Melayu.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

26. Wakil Raja-Raja Melayu yang turut serta dalam rombongan kemerdekaan ke London terdiri daripada (hlm. 123)

- I. Dato' Panglima Bukit Gantang
- II. Dato' Nik Ahmad Kamil
- III. Dato' Abdul Razak Hussein
- IV. Dato' Mohd Seth

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV



27. Kebanggaan terhadap bandar di atas berkaitan dengan peristiwa (hlm. 124)

- A. pengisytiharan kemerdekaan.
- B. perjanjian kemerdekaan.
- C. perhimpunan kemerdekaan
- D. pengisytiharan tarikh kemerdekaan.

28. Kepentingan Perjanjian Persekutuan 1957 merujuk kepada (hlm. 125)

- A. persetujuan British memberikan kemerdekaan Tanah Melayu.
- B. persetujuan pemimpin Tanah Melayu memenuhi syarat kemerdekaan.
- C. persepakatan pelbagai kaum ke arah kemerdekaan Tanah Melayu.
- D. persepakatan parti-parti politik memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Suruhanjaya Reid Mac 1956

29. Peranan suruhanjaya di atas ialah (hlm. 125)

- A. mengkaji syarat-syarat kemerdekaan Tanah Melayu.
- B. merangka bentuk pemerintahan Tanah Melayu selepas merdeka.
- C. menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.
- D. menyelia peralihan kuasa selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

30. Isu pentadbiran yang menjadi tumpuan Suruhanjaya Reid sewaktu menjalankan tanggungjawabnya meliputi (hlm. 125)


- I. corak kerajaan yang hendak dibentuk.
 - II. kuasa kerajaan pusat yang kuat.
 - III. kuasa autonomi negeri dalam bidang tertentu.
 - IV. perlantikan ketua kerajaan pusat.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

31. Kedudukan istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada (hlm. 126)

- A. dasar mengekalkan kedudukan orang Melayu dalam bidang pentadbiran.
- B. dasar melindungi kepentingan orang Melayu dalam bidang pendidikan dan permit perniagaan.
- C. dasar memberi peluang secukupnya kepada orang Melayu untuk menguasai ekonomi.
- D. dasar melindungi kepentingan kedudukan orang Melayu dalam semua bidang.

32. Bukti penduduk tempatan turut terlibat dalam merangka Perlembagaan Persekutuan 1957 ialah (hlm. 127)

- A. memorandum daripada Raja-Raja Melayu, orang perseorangan dan pertubuhan politik.
- B. Suruhanjaya Reid turut dianggotai oleh Raja-Raja Melayu dan penduduk tempatan.
- C. perbincangan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Reid diselia oleh penduduk tempatan.
- D. perlembagaan yang dibentuk disahkan oleh Raja-Raja Melayu.



33. Persetujuan di atas dicapai setelah orang bukan Melayu mengiktiraf (hlm. 127)

- I. kedudukan istimewa orang Melayu.
- II. kedudukan Raja-Raja Melayu.
- III. agama Islam agama rasmi persekutuan.
- IV. bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV


Isu kewarganegaraan menjadi isu penting sejak pengenalan Malayan Union 1946 yang sering menimbulkan ketegangan.

34. Jika anda seorang pemimpin, bagaimanakah anda menangani masalah di atas? (hlm. 127)

- A. Memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi.
- B. Mendapat bantuan nasihat daripada Barat.
- C. Mengwujudkan tolak ansur di kalangan rakyat.
- D. Mengubal peraturan berkaitan isu kerakyatan.

35. X telah dipertanggungjawabkan untuk mengesahkan Perlembagaan Merdeka 1957. X merujuk kepada (hlm. 127)

- A. Suruhanjaya Reid
- B. Majlis Raja-Raja Melayu
- C. Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan
- D. Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum.



36. Mengapakan kesan di atas boleh terjadi? (hlm. 126)

- A. Orang Melayu hilang kuasa politik dan ekonomi.
- B. Orang dagang berada di kedudukan yang lebih baik.
- C. Semua kaum diberikan hak yang sama rata.
- D. Kuasa politik dan ekonomi beralih kepada orang dagang.

37. Kaitan pakatan murni dengan sistem pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu ialah (hlm.128-130)

- A. setiap kaum mempunyai wakil dalam kerajaan persekutuan.
- B. setiap kaum berhak mencadang bentuk kerajaan persekutuan.
- C. kerajaan yang dibentuk hasil daripada persetujuan bersama.
- D. kerajaan yang demokrasi berkonsepkan raja berperlembagaan dibentuk.

38. Kaitan Perjanjian Persekutuan dengan pentadbiran negara ialah (hlm. 130)

- A. hak mutlak penduduk tempatan mentadbir negara.
- B. penentuan bentuk pentadbiran negara.
- C. jumlah ahli yang dilantik dalam sistem pentadbiran.
- D. cara perlantikan ahli dalam sistem pentadbiran.

39. Kerakyatan jenis *naturalisasi* bermaksud (hlm. 268)

- A. kerakyatan berdasarkan undang-undang.
- B. kerakyatan berdasarkan tempat kelahiran.
- C. kerakyatan yang mengikut kerakyatan ibu bapa.
- D. kerakyatan yang diluluskan Yang di-Pertuan Agong.

- Digelar 'Bapa Pembangunan Malaysia'
- Menteri Pendidikan kabinet 1955
- Pengerusi Jawatankuasa Penyata Pendidikan 1955

40. Tokoh yang berkaitan dengan maklumat di atas ialah (hlm. 131)

- A. Tun Abdul Razak Dato' Hussein.
- B. Dato' Dr. Ismail Abdul Rahman.
- C. Dato' Panglima Gantang.
- D. Sulaiman Abdul Rahman

SOALAN STRUKTUR

1. Idea penubuhan Sistem Ahli oleh pihak British adalah selaras dengan hasrat British untuk menjalankan dasar dekolonisasi.

a). Apakah yang dimaksudkan dengan Sistem Ahli?

.....
(2 markah)

b). Apakah yang dimaksudkan dengan dekolonisasi?


.....
(2 markah)

c). Senaraikan **TIGA** ciri Sistem Ahli.

- i.
- ii.
- iii.
(3 markah)

d). Nyatakan **TIGA** tanggungjawab setiap portfolio dalam Sistem Ahli.

- i.
- ii.
- iii.
(3 markah)



a). Apakah yang dimaksudkan dengan Pakatan Murni?

.....
(2 markah)

b). Antara langkah yang telah diambil ke arah pakatan murni ialah penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum (CLC). Nyatakan **DUA** persetujuan hasil rundingan UMNO-CLC

- i.
- ii.
(2 markah)

c). Berikan *DUA* sebab Dato' Onn Jaafar menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP).

i.

ii.

(2 markah)

d). Nyatakan *DUA* perkara yang diterima oleh bukan Melayu dalam Perkembagaan Persekutuan

i.

ii.

(2 markah)

e). Nyatakan *DUA* kepentingan Perjanjian Persekutuan.

i.

ii.

(2 markah)

SOALAN ESEI

1. a).Sebelum penubuhan Perikatan yang mengabungkan UMNO, MCA dan MIC, telah terdapat beberapa usaha mengadakan pakatan murni di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Bincangkan langkah-langkah awal yang telah diambil ke arah matlamat itu.

(14 markah)

b). Dalam pilihan raya 1955, Parti Perikatan telah mencapai kemenangan yang besar. Jelaskan perkara yang terkandung dalam manifesto Parti Perikatan bagi menghadapi pilihan raya tersebut.

(6 markah)

2. a) Jelaskan isu yang menjadi panduan Suruhajaya Reid ketika merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

(6 markah)

b). Bincangkan isi-isi penting yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan 1957.

(14 markah)

SKEMA JAWAPAN [BAB 5]

OBJEKTIF

| | | | | | | | |
|-----|---|-----|---|-----|---|-----|---|
| 1. | D | 11. | C | 21. | A | 31. | B |
| 2. | D | 12. | B | 22. | B | 32. | A |
| 3. | C | 13. | C | 23. | B | 33. | C |
| 4. | D | 14. | A | 24. | C | 34. | C |
| 5. | A | 15. | B | 25. | D | 35. | C |
| 6. | A | 16. | D | 26. | D | 36. | C |
| 7. | B | 17. | A | 27. | D | 37. | D |
| 8. | D | 18. | D | 28. | A | 38. | A |
| 9. | A | 19. | B | 29. | C | 39. | D |
| 10. | B | 20. | B | 30. | B | 40. | A |

STRUKTUR

1.a) Sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu
(2 markah)

b). Dasar memberi bantuan ke arah bekerajaan sendiri secara beransur-ansur kepada tanah jajahan.
(2 markah)

c). i. diwujudkan kabinet bayangan.
ii. anggotanya dikenali sebagai Ahli.
iii. perlantikan ahli oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu.
iv. anggotanya seramai 9 orang iaitu 5 penduduk tempatan dan 4 pegawai Inggeris.
v. ahlinya di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British.
(3 markah)

d). i. menguruskan pentadbiran harian jabatan.
ii. mencadangkan undang-undang berkaitan dengan jabatan.
iii. membentangkan cadangan undang-undang dalam Majlis Perundangan Persekutuan.
iv. berbincang dengan pegawai kanan British berkaitan cadangan undang-undang.
(3 markah)

2. a). usaha semua kaum di Tanah Melayu menghasilkan kerjasama dan tolak ansur politik melalui rundingan.
(2 markah)

b). i. penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa.
ii. Kerakyataan Negeri diberikan kepada imigran yang lahir di Tanah Melayu.
iii. pilihan raya di peringkat bandaran, negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan diadakan
(2 markah)

- c). i. cadangan membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu dikecam dan ditolak.
 ii. Kerakyatan Negeri menjadikan orang Melayu bukan rakyat tunggal Tanah Melayu.
 iii. keperluan kerjasama semua kaum dalam sebuah parti untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. (2 markah)
- d). i. mengiktiraf kedudukan istimewa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.
 ii. agama Islam agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu.
 iii. bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. (2 markah)
- e). i. kerajaan demokrasi berkonsepkan raja berperlembagaan dibentuk.
 ii. wujud perpaduan yang jitu antara kaum di Persekutuan Tanah Melayu.
 iii. tercapainya keharmonian kaum di Persekutuan Tanah Melayu.
 iv. hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara yang berdaulat dan merdeka. (2 markah)

ESEI

1. a). Langkah-langkah ke arah Pakatan Murni

| Tema | Huraian |
|-------------|--|
| CLC | menubuhkan Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum (CLC) yang dianggotai wakil pelbagai kaum di Tanah Melayu. |
| Kerjasama | titik permulaan kerjasama kaum di Tanah Melayu. |
| Dasar | perubahan dasar UMNO kerana kesanggupan berunding dengan kaum lain untuk kepentingan masa depan negara. |
| Buka | cadangan membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu. |
| IMP | penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) oleh Dato' Onn Ja'afar. |
| Kaum | konsep kerjasama kaum dalam sebuah parti ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. |
| Gagal | IMP gagal kerana kaum-kaum di Tanah Melayu masih mengasingkan diri mereka. |
| Persidangan | penubuhan Persidangan Nasional bagi mencapai kerjasama politik dan mengurangkan perasaan perkauman. |
| Konvensyen | UMNO menganjurkan Konvensyen Nasional yang disertai pelbagai parti dan persatuan politik. |

9 isi x 2 markah = mak 14 markah

b). Pekara dalam manifesto Parti Perikatan menghadapi pilihan raya 1955.

| Tema | Huraian |
|-------------|---|
| Kemerdekaan | kemerdekaan Tanah Melayu dalam masa empat tahun. |
| Pendidikan | mewajibkan pendidikan kepada penduduk Tanah Melayu. |
| Tempatan | menjadikan perkhidmatan awam di Tanah Melayu bercorak tempatan. |
| Hak | menjaga hak asasi manusia. |
| Raja-Raja | melindungi hak Raja-Raja Melayu sebagai raja berperlembagaan. |

5 isi x 2 markah = mak 6 markah

2. a) Isu yang menjadi panduan Suruhanjaya Reid merangka perlembagaan .

| Tema | Huraian |
|-----------|---|
| Merdeka | perlembagaan yang dirangka adalah perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. |
| Pusat | pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat. |
| Autonomi | mengwujudkan kuasa autonomi negeri dalam bidang-bidang tertentu. |
| Kedudukan | mengambil kira kedudukan khas Raja-Raja Melayu. |
| Istimewa | mengambil kira hak istimewa orang Melayu. |
| Bangsa | pengwujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu. |

6 isi x 2 markah = mak 6 markah


b). Isi-isi penting dalam Perjanjian Persekutuan 1957.

| Tema | Huraian |
|-----------------|---|
| Kerajaan | pembentukan sebuah kerajaan persekutuan. |
| Pemisahan | pemisahan kuasa pusat dan kuasa negeri melalui Senarai Pusat dan Senarai Negeri. |
| Berperlembagaan | institusi raja dijadikan Raja Berperlembagaan di peringkat negeri dan negara. |
| Kerakyatan | diwujudkan tiga jenis kerakyatan iaitu secara Kuatkuasa Undang-Undang, Permohonan dan Naturalisasi. |
| Jus Soli | prinsip Jus Soli diterima. |
| Kedudukan | kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan. |
| Islam | agama Islam diterima sebagai agama rasmi Persekutuan. |
| Tanah | konsep Tanah Simpanan Melayu diteruskan. |
| Bahasa | bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan. |
| YdPA | Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara. |
| Demokrasi | pentadbiran negara bersifat demokrasi iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa parlimen. |
| Negeri | di peringkat negeri Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran yang dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO. |

12 isi x 2 markah = mak 14 markah

BAB 6 PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

SOALAN OBJEKTIF




1. Kesan daripada peristiwa di atas terhadap Sarawak dan Sabah ialah (hlm. 136)
 - A. kekal sebagai Tanah Jajahan Mahkota British.
 - B. digabungkan ke dalam Persekutuan Tanah Melayu.
 - C. diberikan kemerdekaan secara berasingan.
 - D. kekal ditadbir oleh SBBU dan keluarga Brooke.
2. Apakah cadangan Lee Kuan Yew berkaitan dengan pembentukan Malaysia? (hlm.139)
 - A. Gagasan Malaysia meliputi Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.
 - B. Singapura dimerdekaan dahulu sebelum bergabung ke dalam Malaysia.
 - C. Penggabungan hanya melibatkan Tanah Melayu dan Singapura sahaja.
 - D. Singapura diberikan hak yang sama menentukan pembentukan Malaysia.
3. Apakah cadangan Dato' Onn Ja'afar berkaitan dengan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka? (hlm.137)
 - A. Dinamakan Malaysia.
 - B. Ditadbir oleh orang tempatan.
 - C. Digabungkan dengan Sarawak dan Sabah.
 - D. Ditadbir secara berpusat di Kuala Lumpur.

| | |
|----------|----------------------------|
| Tarikh | : 27 Mei 1961 |
| Tempat | : Hotel Adelphi, Singapura |
| Cadangan | : Pembentukan Malaysia |

4. Harapan Tunku Abdul Rahman daripada cadangan beliau di atas ialah (hlm.138)
 - I. lahir sebuah negara yang merdeka.
 - II. terbentuknya sebuah masyarakat berdaulat.
 - III. satu kedudukan politik yang kukuh.
 - IV. wujud kerjasama ekonomi dan sosial.
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

5. Dari sudut politik, tujuan pembentukan Malaysia ialah (hlm.139)

- I. keselamatan.
 - II. kemerdekaan.
 - III. dekolonisasi.
 - IV. pembentukan kerajaan.
-
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV



6. Kesan kepada Singapura ialah (hlm.139)

- A. kemerdekaan Singapura.
- B. penggabungan dengan Malaysia dipersetujui.
- C. kemerdekaan Singapura ditangguhkan.
- D. Singapura menjadi negara sosialis.

7. Daripada sudut masa depan politiknya, mengapakah Lee Kuan Yew bersetuju untuk menyertai Malaysia? (hlm.139)

- I. Kebangkitan golongan sosialis.
 - II. Ancaman komunis.
 - III. Kepentingan ekonomi.
 - IV. Janji kemerdekaan.
-
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

8. Kesan penubuhan Malaysia ke atas Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei ialah (hlm.139)

- I. kemerdekaan mereka dipercepatkan.
 - II. penyeragaman sistem pentadbiran.
 - III. bebas daripada ancaman komunis.
 - IV. pembangunan sosioekonomi dan politik.
-
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

9. Implikasi penubuhan Malaysia ke atas Asia Tenggara ialah (hlm.140)

- A. kemajuan sosioekonomi.
- B. mewujudkan kestabilan politik.
- C. perpaduan di kalangan negara-negara..
- D. bebas daripada pengaruh kuasa besar.

10. Penubuhan Malaysia dipersetujui oleh pihak British kerana (hlm.140)

- I. membendung pengaruh komunis di Tanah Melayu.
- II. memastikan kepentingan di Singapura terkawal.
- III. menjayakan proses dekolonisasi British.
- IV. menyatukan pentadbiran tanah jajahan.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

11. Kepentingan penubuhan Malaysia daripada sudut ekonomi ialah (hlm.140)

- I. menggalakkan pelaburan.
- II. perkembangan industri pertanian.
- III. wujud pasaran yang lebih luas.
- IV. kemajuan perdagangan antarabangsa.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

12. Dari sudut demografi, penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei ke dalam Malaysia Mengakibatkan (hlm.140)

- A. jumlah dan kadar pertumbuhan kaum seimbang.
- B. peningkatan jumlah penduduk negara.
- C. taburan penduduk antara wilayah seimbang.
- D. peningkatan jumlah kaum bumiputera.

- Parti Islam se-Tanah Melayu
 - Barisan Sosialis

13. Persamaan kedua-dua parti di atas berhubung dengan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia ialah (hlm.141)

- A. menolak penggabungan dengan Singapura.
- B. pandangan rakyat Singapura diambil kira.
- C. Singapura perlu dimerdekakan terlebih dahulu.
- D. pandangan rakyat Tanah Melayu perlu diambil.

14. Apakah pandangan UMNO berkaitan dengan penubuhan Malaysia? (hlm.141)

- A. Penubuhan tanpa Singapura.
- B. Penyertaan Singapura bersyarat.
- C. Penggabungan melibatkan Singapura.
- D. Pengaruh Barisan Sosialis di Singapura disekat.

“kita perlu menyekat pengaruh Barisan Sosialis yang berhaluan kiri. Dari itu kita perlu menyertai Malaysia”

15. Pemimpin Singapura yang mengeluarkan pernyataan di atas ialah (hlm.141)

- A. David Marshall
- B. Ong Eng Guan
- C. Malcom Mac Donald
- D. Lee Kuan Yew

16. Mengapakah Barisan Sosialis Singapura menentang penggabungan Singapura ke dalam Malaysia? (hlm.141)

- A. Kemenangan mereka dalam pilihanraya tidak diiktiraf.
- B. Pengaruh mereka akan berkurangan.
- C. Malaysia dianggap sebagai neo-kolonialisme.
- D. Singapura kehilangan kepentingan ekonomi.

- Parti Buruh
- Parti Rakyat Bersatu

17. Persamaan kedua-dua parti di atas berkaitan dengan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia ialah (hlm.141)

- A. menuntut hak pentadbiran yang sama.
- B. mengesa referendum rakyat dijalankan.
- C. Menentang pandangan Barisan Sosialis.
- D. memerdekakan Singapura terlebih dahulu.

18. Mengapakah Sarawak dan Sabah ingin kekal di bawah pentadbiran British sewaktu cadangan pembentukan Malaysia? (hlm.142)

- A. Pembangunan wilayah terjamin.
- B. Pemimpin tempatan terlibat dalam pentadbiran.
- C. Keselamatan negeri dijamin oleh pihak British.
- D. Tidak berkeyakinan membentuk kerajaan sendiri.

- SUPP
- PANAS

19. Persamaan kedua-dua parti di atas berhubung dengan pembentukan Malaysia ialah (hlm.142)

- A. menentang penubuhan Malaysia.
- B. bersetuju bergabung ke dalam Malaysia.
- C. Sarawak dimerdekaan terlebih dahulu.
- D. ingin kekal di bawah pentadbiran British.

- Pemimpin SNAP
- Ketua Menteri Sarawak pertama

20. Tokoh yang berkaitan dengan maklumat di atas ialah (hlm.142)

- A. Ong Kee Hui
- B. Dato' Bandar Abang Haji Mustapha
- C. Stephen Kalong Ningkan
- D. Temenggung Jugah Anak Barieng

21. Pembentukan Parti Perikatan Sarawak yang menggabungkan beberapa buah parti di Sarawak Bertujuan (hlm.143)

- A. menghalang penyatuan Sarawak
- B. menuntut kemerdekaan daripada British.
- C. mewujudkan parti politik tunggal di Sarawak
- D. menyekat pengaruh SUPP di Sarawak

Parti Perikatan Sabah

Tuntutan Perkara 20

22. Tujuan tuntutan di atas ialah (hlm.144)

- A. melindungi hak dan kepentingan penduduk.
- B. diberikan hak untuk berkerajaan sendiri.
- C. jaminan mengekalkan kuasa imigresen.
- D. pembangunan wilayah yang seimbang.

Bertanggungjawab mengkaji dan memuatkan tuntutan
20 perkara ke dalam Perlembagaan Malaysia

23. Maklumat di atas merujuk kepada (hlm.144)

- A. Jawatankuasa Antara Kaum.
- B. Jawatankuasa Antara Kerajaan.
- C. Jawatankuasa Tuntutan 20 Perkara.
- D. Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum.

24. Hak wilayah asing yang membezakan pembahagian kuasa antara Sarawak dan Sabah dengan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu meliputi (hlm.144)

- I. ketua negeri.
- II. kebudayaan tempatan.
- III. bahasa kebangsaan.
- IV. agama Islam.


- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

- PESAKA
- SNAP
- UNKO

25. Apakah isu yang sering dibawa oleh ketiga-tiga parti di atas berkaitan penubuhan Malaysia? (hlm.144)


- I. Sarawak dan Sabah menjadi wilayah penguasaan Persekutuan Tanah Melayu.
- II. Ekonomi Sarawak dan Sabah akan dikuasai sepenuhnya oleh kerajaan pusat.
- III. Orang bukan Melayu dan peribumi Sarawak dan Sabah kehilangan identiti.
- IV. Penguasaan orang Melayu ke atas orang bukan Melayu dan peribumi.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV



26. Apakah tujuan pemberontakan di atas? (hlm.145)

- A. Menubuhkan Persekutuan Borneo.
- B. Menyekat pengaruh British.
- C. Mewujudkan negara Brunei yang merdeka.
- D. Menghalang kemerdekaan Sarawak dan Sabah.



27. Pandangan di atas akhirnya mengakibatkan Indonesia menjalankan dasar konfrantasi ke atas Malaysia. X merujuk kepada (hlm.146)

- A. Parti Komunis Indonesia
- B. Parti Nasionalis Indonesia
- C. Parti Rakyat Indonesia
- D. Parti Kebebasan Indonesia

28. Menerusi konsep Ganyang Malaysia, apakah tindakan oleh Indonesia untuk menghalang pembentukan Malaysia? (hlm.146)

- I. Menyerang kapal-kapal nelayan Malaysia.
 - II. Menceroboh wilayah-wilayah di Malaysia
 - III. Menghantar pengintip memusnahkan gagasan Malaysia
 - IV. Membantu parti politik tempatan yang menentang pembentukan Malaysia.
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

Indonesia bertindak memburukkan nama Malaysia di negara-negara Afro-Afrika dan negara Dunia Ketiga.

29. Tindak balas Malaysia yang menggambarkan kebijaksanaan pemimpin negara ialah (hlm.147)

- A. menghantar delegasi ke Afrika menjelaskan hubungan diplomatik Malaysia- Indonesia.
- B. menghantar surat bantahan kepada kerajaan Indonesia.
- C. mengadakan persidangan memulihkan nama baik Malaysia.
- D. memutuskan hubungan diplomatik dengan kerajaan Indonesia.


30. Perbidalan yang sesuai bagi menggambarkan hubungan Malaysia-Indonesia kesan daripada pembentukan Malaysia ialah (hlm.147)
- A. bagai aur dengan tebing.
 - B. seperti api dalam sekam.
 - C. seperti pinang pulang ke tampuk.
 - D. air dicincang tidak akan putus.
31. Mengapakah Filipina tidak bersetuju dengan penggabungan Sabah ke dalam Malaysia? (hlm.148)
- A. Rakyat Filipina di Sabah akan terpinggir.
 - B. Mendakwa Sabah masih milik Kesultanan Sulu.
 - C. Malaysia akan menjadi kuasa baru di Asia Tenggara.
 - D. Kepentingan Filipina di Sabah akan terancam.
32. Pertubuhan yang telah berjaya memulihkan hubungan Malaysia-Filipina dan seterusnya mengiktiraf penubuhan Malaysia ialah (hlm.148)
- A. ASA
 - B. SEATO
 - C. MAPHILINDO
 - D. ASEAN

Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum

33. Apakah peranan jawatankuasa di atas? (hlm.149)
- I. Memberi penerangan berkaitan gagasan Malaysia.
 - II. Mengumpul pandangan penduduk berkaitan gagasan Malaysia.
 - III. Membincangkan syarat-syarat penubuhan Malaysia.
 - IV. Menggalakkan usaha ke arah kewujudan Malaysia.
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
34. Aspek yang menjadi tumpuan Jawatankuasa Antara Kerajaan bagi membuktikan Malaysia bukannya neo-kolonialisme ialah (hlm.150)
- I. penyertaan pemimpin Sarawak dan Sabah dalam pentadbiran Malaysia.
 - II. kewajaran kemasukkan Sarawak dan Sabah ke dalam gagasan Malaysia.
 - III. hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah diambil kira.
 - IV. pendapat penduduk Sarawak dan Sabah berkaitan penubuhan Malaysia.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

Suruhanjaya ini berperanan meninjau pandangan rakyat Sarawak dan Sabah berhubung gagasan Malaysia.

35. Rakyat Tempatan yang menganggotai suruhanjaya di atas ialah (hlm.150)
- I. Tan Sri Ghazali Shafie
 - II. Tun Abdul Razak Dato' Hussein
 - III. Tun Tan Siew Sin
 - IV. Dato' Wong Pow Nee
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
36. Hasil daripada tinjauan United Nations Malaysia Mission ke atas penduduk Sarawak dan Sabah mendapati (hlm.152)
- A. majoriti penduduk ingin kekal di bawah British.
 - B. penduduk inginkan kemerdekaan terlebih dahulu.
 - C. pemimpin parti bersetuju menyertai Malaysia.
 - D. rakyat bersetuju menyertai gagasan Malaysia.
37. Aspek yang membuktikan ketokohan pemimpin negara berkaitan dengan penubuhan Malaysia ialah (hlm.152)
- I. kejayaan mengatasi tekanan daripada pihak komunis.
 - II. kemampuan mengatasi tentangan negara jiran secara diplomasi.
 - III. kejayaan mewujudkan kerjasama serantau dan antarabangsa.
 - IV. kemampuan mendapatkan bantuan asing menghadapi konfrantasi.
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
38. Jaminan terhadap hak dan kepentingan rakyat Sarawak dan Sabah dalam Malaysia sebagaimana yang terkandung dalam Akta Malaysia meliputi (hlm.155)
- I. kedudukan bahasa Inggeris.
 - II. hal ehwal imigresen.
 - III. perkhidmatan awam.
 - IV. sempadan wilayah.
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV



39. Bukti yang menyokong perkaitan di atas ialah (hlm.142)

- A. referendum berhubung persoalan dan syarat penggabungan.
- B. pilihanraya memilih pemimpin Malaysia.
- C. pengundian bagi pemberian nama Malaysia.
- D. kesepakatan menolak penyertaan Brunei.

40. Bukti Perjanjian Malaysia 1963 mengambil kira kepentingan Sarawak, Sabah dan Singapura ialah (hlm.155)

- I. penglibatan dalam meluluskan perjanjian.
- II. pemerolehan kerusi dalam kerajaan.
- III. taraf yang sama bagi rakyat bumiputera.
- IV. bahasa Inggeris dan bahasa lain boleh digunakan

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

SOALAN STRUKTUR

1. Politik, ekonomi dan sosial adalah merupakan aspek yang diambil kira dalam cadangan penubuhan Malaysia. Walaupun terdapat pelbagai reaksi terhadap cadangan ini, melalui pelbagai usaha akhirnya pembentukan Malaysia diterima pada 16 September 1963.

a). Senaraikan **DUA** buah negara di Kepulauan Borneo yang dicadang penggabungannya ke dalam Malaysia.

i.

ii.
(2 markah)

b). Nyatakan **TIGA** sebab British bersetuju dengan pembentukan Malaysia.

i.

ii.

iii.
(3 markah)

c). Nyatakan **TIGA** alasan yang mendorong Singapura di bawah Lee Kuan Yew bersetuju menyertai Malaysia.

i.

ii.

iii.
(3 markah)

d). Kemukakan **DUA** faktor ekonomi yang mempengaruhi pembentukan Malaysia.

i.

ii.
(2 markah)

2. Suruhanjaya Cobbold telah dibentuk oleh kerajaan British bagi mengkaji memorandum yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum berkaitan dengan penubuhan Malaysia.

a). **DUA** rakyat tempatan yang turut menjadi ahli suruhanjaya di atas ialah

i.

ii.
(2 markah)

- b). Nyatakan **DUA** peranan suruhanjaya di atas berkaitan dengan penubuhan Malaysia.
- i.
- ii.
(2 markah)
- c). Nyatakan **TIGA** hasil daripada tinjauan suruhanjaya di atas di Sarawak dan Sabah berkaitan dengan penubuhan Malaysia.
- i.
- ii.
- iii.
(3 markah)
- d). Kemukakan **TIGA** cadangan suruhanjaya di atas berkaitan dengan penubuhan Malaysia.
- i.
- ii.
- iii.
(3 markah)

SOALAN ESEI

1. a). Bincangkan cadangan-cadangan awal ke arah pembentukan Malaysia.
(9 markah)
- b). Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan Malaysia.
(11 markah)
2. a). Huraikan reaksi dalam dan luar negeri terhadap cadangan penubuhan Malaysia.
(11 markah)
- b). Bincangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh pemimpin tempatan untuk menangani pelbagai reaksi terhadap pembentukan Malaysia.
(9 markah)

SKEMA JAWAPAN (BAB 6)

OBJEKTIF

| | | | | | | | |
|-----|---|-----|---|-----|---|-----|---|
| 1. | A | 11. | C | 21. | D | 31. | B |
| 2. | C | 12. | A | 22. | A | 32. | C |
| 3. | A | 13. | D | 23. | B | 33. | B |
| 4. | C | 14. | B | 24. | C | 34. | B |
| 5. | A | 15. | D | 25. | D | 35. | C |
| 6. | C | 16. | C | 26. | A | 36. | D |
| 7. | A | 17. | B | 27. | A | 37. | A |
| 8. | C | 18. | D | 28. | A | 38. | A |
| 9. | B | 19. | B | 29. | C | 39. | A |
| 10. | B | 20. | C | 30. | A | 40. | A |

STRUKTUR

- 1.a). i. Sarawak
ii. Sabah
iii. Brunei

(2 markah)

- b). i. menjayakan proses dekolonisasi.
ii. selaras dengan usul PBB memerdekakan tanah jajahan.
iii. kestabilan politik di Asia Tenggara.
iv. menghalang penyebaran pengaruh komunis.
v. kepentingan mereka terutama di Singapura terkawal

(3 markah)

- c). i. kebangkitan pengaruh Barisan Sosialis di Singapura.
ii. kemenangan Barisan Sosialis melemahkan parti pimpinan beliau.
iii. pengaruh Barisan Sosialis mengugat kemerdekaan Singapura.
iv. bimbang terhadap ancaman komunis.

(3 markah)

- d). i. mengwujudkan pasaran yang luas.
ii. menggalakkan pelaburan dalam industri pertanian.
iii. mengwujudkan kerjasama ekonomi.

(2 markah)

- 2.a). i. Tan Sri Ghazalie Shafie.
ii. Dato' Wong Pow Nee.

(2 markah)

- b). i. meninjau pandangan rakyat Sarawak dan Sabah.
ii. mengemukakan cadangan kepada British berkaitan cadangan gagasan Malaysia.
iii. menerima memorandum daripada pelbagai pertubuhan berkaitan gagasan Malaysia.

(2 markah)

- c). i. 1/3 rakyat menyokong penggabungan tanpa syarat.
 ii. 1/3 rakyat menyokong dengan syarat kepentingan mereka dilindungi.
 iii. 1/3 rakyat hendakkan kemerdekaan terlebih dahulu.

(3 markah)

- d). i. perlembagaan Malaysia berasaskan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
 ii. Sarawak dan Sabah diberikan kuasa menentukan dasar imigrasi dan bahasa Melayu.
 iii. jaminan hak dan kedudukan bumiputera di Sarawak dan Sabah.
 iv. pemberian nama Malaysia.
 v. penentuan tarikh penubuhan Malaysia.

(3 markah)

ESEI

1.a). Cadangan-cadangan awal ke arah pembentukan Malaysia.

| | |
|------------|--|
| Brassey | Lord Brassey mencadangkan kerajaan British menggabungkan Sarawak dan Sabah dengan Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat. |
| Mac Donald | Malcom Mac Donal mencadangkan Sarawak, Sabah, Singapura, Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan. |
| Dato' Onn | Dato' Onn mencadangkan Tanah Melayu yang merdeka dinamakan Malaysia. |
| Marshall | David Marshall dan Lim Yew Hock turut mencadangkan pembentukan Malaysia. |
| Lee | Lee Kuan Yew mendesak British berunding dengan Tunku Abdul Rahman untuk menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. |
| TAR | Tunku Abdul Rahman tidak bersetuju dengan penggabungan kerana akan berlaku ketidakseimbangan penduduk. |
| Setuju | akhirnya Tunku Abdul Rahman bersetuju dengan penggabungan. |

7 isi x 2 markah = mak. 9 markah

b). Faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan Malaysia.

| | |
|--------------|---|
| Sosialis | perkembangan pengaruh Barisan Sosialis yang mengugat kemerdekaan Singapura. |
| Komunis | bimbang terhadap ancaman dan pengaruh Parti Komunis Malaya. |
| Benteng | penyertaan Singapura, Sarawak dan Sabah dapat menjadi benteng menghadapi ancaman komunis. |
| Kemerdekaan | mempercepatkan kemerdekaan Sarawak, Sabah dan Singapura. |
| Dekolonisasi | menjayakan proses dekolonisasi British di Asia Tenggara selaras dengan usul PBB. |
| Kestabilan | dapat mewujudkan kestabilan politik di Asia Tenggara. |
| Kawal | British dapat mengawal kepentingan mereka terutama pengkalannya di Singapura. |
| Pasaran | mewujudkan pasaran yang lebih luas. |
| Galak | menggalakkan pelaburan dan perkembangan industri pertanian. |
| Kerjasama | mewujudkan kerjasama ekonomi untuk memanfaatkan keistimewaan yang ada. |
| Imbang | mengimbangi jumlah dan kadar pertumbuhan kaum di kalangan negara-negara anggota. |
| Kesepakatan | mewujudkan kesepakatan dan semangat setiakawan antara negara anggota. |

12 isi x 2 markah = mak. 11 markah

2.a). Reaksi cadangan penubuhan Malaysia.

| | |
|-------------|---|
| Runding | Parti Islam se-Tanah Melayu dan Barisan Sosialis mahukan cadangan ini dirunding terlebih dahulu dengan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. |
| UMNO | UMNO bersetuju dengan penggabungan tanpa Singapura. |
| PAP | Parti Tindakan Rakyat pimpinan Lee Kuan Yew bersetuju. |
| Sosialis | Barisan Sosialis menentang kerana menganggap Malaysia satu penjajahan bentuk baru. |
| Buruh | Parti Buruh dan Parti Rakyat Bersatu menyokong pandangan Barisan Sosialis berkaitan dengan pendapat rakyat. |
| Tolak | awalnya penduduk Sarawak dan Sabah menolak cadangan penggabungan kerana ingin kekal di bawah British. |
| Sokong | Parti Negara, SNAP, PESAKA dan SCA menyokong penyertaan Sarawak ke dalam Malaysia. |
| Setuju | kesemua parti politik di Sabah bersetuju dengan penggabungan. |
| Brunei | awalnya Sultan Brunei bersetuju dengan penggabungan. |
| Tentang | Parti Rakyat Brunei menentang kerana bercita-cita menubuhkan Persekutuan Borneo dan anggap Malaysia neo-kolonialisme |
